

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
(BATU KAWAN)**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO [BATU KAWAN] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status pemansuhan Akta Hasutan 1948, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1964 dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 serta bilangan kes dalam siasatan, dakwaan dan sabitan dan usaha untuk menggantikan akta-akta ini dengan undang-undang yang lebih saksama dan progresif.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jawapan yang akan diberikan adalah bagi akta yang dibawah bidang kuasa Kementerian ini iaitu Akta Hasutan 1948 dan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1964 sahaja. Kerajaan berpandangan bahawa kedua-dua akta berkenaan masih relevan dan penting bagi memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara. Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih memerlukan undang-undang sedemikian agar tindakan segera boleh diambil untuk mengelakkan perselisihan dan rusuhan kaum. Walaupun begitu, Kementerian komited untuk menambahbaik undang-undang tersebut dari semasa ke semasa bagi memastikan keamanan dan keselamatan Negara sentiasa terpelihara.

Di peringkat penguatkuasaan undang-undang, bilangan kes di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1964 adalah satu (1) kes bagi tahun 2019 dan kes berkenaan telah dituduh di mahkamah.

Bagi bilangan kes-kes berkaitan media sosial pada tahun 2020 (Januari hingga 30 September), sebanyak 600 kertas siasatan telah dibuka dan 42 darinya telah dituduh. Kesemua kes berkenaan ini disiasat di bawah Kanun Keseksaan, Seksyen 233, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Akta Hasutan 1948.